

**TARIAN MAGUNATIP ETNIK NABAI DAN  
PALUAN: DARIPADA PERMAINAN  
TRADISIONAL KE PERSEMBAHAN  
PENTAS KINI**

**SUHAIMI MAGI**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2018**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: TARIAN MAGUNATIP ETNIK NABAI DAN PALUAN: DARIPADA PERMAINAN TRADISIONAL KEPERSEMBAHAN PENTAS

IJAZAH: SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)

Saya SUHAIMI MAGI Sesi 2012-2018 mengaku membenarkan tesi SARJANA SASTERA (SENI KREATIF), ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

  
NURULAIN BINTI ISMAIL  
PUSTAKAWAN KANAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan



Profesor Madya Dr. Low Kok On  
(Penyelia)

SUHAIMI MAGI  
MA20119119


Tarikh : 5-9-2019



## PENGAKUAN

Tulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang satu-satunya telah saya nyatakan sumbernya.

30 Julai 2018



Suhaimi Magi  
MA20119119

# PENGESAHAN


NAMA : SUHAIMI MAGI  
NO METRIK : MA20119119  
TAJUK : TARIAN MAGUNATIP ETNIK MURUT NABAI DAN  
PALUAN: DARI PERMAINAN TRADISIONAL KE  
PERSEMBAHAN PENTAS KINI  
IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)  
TARIKH VIVA : 13 FEBRUARI 2018

DISAHKAN OLEH;

**1. PENYELIA UTAMA**

Profesor Madya Dr. Low Kok On (UMS)

Tandatangan



*BERSAMA*  
**2. PENYELIA KEDUA**

Dr. Indra Utama (UM)



## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, syukur dan puji kepada Allah Subhanataallah yang memberikan rahmat dan memberkati usaha penulis membuat kajian dan menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada kedua-dua orang penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Low Kok On dan Dr. Indra Utama kerana telah banyak membimbing, mendidik dan memberikan nasihat kepada pengkaji sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian lapangan dijalankan. Setinggi-tinggi pengharagaan diucapkan kepada Dr. Susan Sim Chee Cheang yang memberikan dorongan dan pemangkin semangat pengkaji untuk kembali belajar. Tidak lupa pengkaji ucapkan ribuan terima kasih semua pensyarah dalam Program Seni Kreatif, Fakulti Kemnusian Seni dan Warisan, yang sentiasa memberikan dorongan semangat sehingga pengkaji selesaikan tesis ini.

Buat isteri, anak-anak dan cucu-cucu tersayang, kalian adalah tunjang semangat sepanjang masa saya menjalankan penyelidikan ini. Akhir sekali, alfatihah buat kedua-dua bapa saya, Almarhum Magi Bin Harno dan ibu saya Almarhumah Rahmah Binti Ahmad. Jasa kalian sering dalam ingatan saya.

Sekian, terima kasih.

Suhaimi Magi  
MA20119119

## ABSTRAK

Tarian Magunatip, iaitu bahan kajian dalam penyelidikan ini ialah tarian tradisional etnik Murut yang tinggal di pedalaman Sabah. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah memilih tarian Magunatip kepunyaan etnik Murut Nabai dan Murut Paluan di Daerah Keningau, Daerah Nabawan untuk dikaji. Tumpuan kajian ini difokuskan terhadap perubahan tarian Magunatip, yang pada mulanya merupakan sejenis permainan tradisional etnik Murut Nabai dan Paluan, namun pada hari-hari terkemudian telah berubah menjadi sebuah seni persembahan di pentas. Metodologi kerja lapangan mengumpul data, yang diikuti dengan kerja-kerja mentranskripsi, mendokumentasi dan menganalisis data yang diperolehi dari lapangan telah diguna pakai dalam kajian ini. Kajian ini mendapati, tarian Magunatip pada asalnya ialah sebuah permainan tradisional untuk menghiburkan para petani yang sedang rehat selepas menumbuk padi. Daripada permainan cuba menyepit kaki kawan dengan dua batang alu, permainan ini telah dialhamkan menjadi tarian Magunatip pada hari-hari terkemudian. Kini, tarian Magunatip yang dipersembahkan di pentas didapati masih mengekalkan ragam gerak asalnya serta menonjolkan identiti budaya etnik Murut Nabai dan Murut Paluan sendiri. Secara keseluruhannya, kajian ini telah meneliti segala aspek perubahan persembahan Magunatip, yang pada asalnya merupakan sejenis permainan tradisional dan pada hari-hari terkemudian telah berubah menjadi sebuah persembahan pentas yang menarik di samping menjadi identiti etnik Murut di pedalaman Sabah.

## **ABSTRACT**

### **MAGUNATIP OF NABAI DAN PALUAN ETHNIC GROUPS: FROM TRADITIONAL GAME TO STAGE PERFORMANCE**

*This research is a study on Magunatip, a traditional dance of the ethnic Murut community in the interior districts of Sabah. The Magunatip dance of the Nabai and Paluan Murut residing in the districts of Keningau and Nabawan has been selected for this study. The research focused on the evolution of Magunatip, from its beginnings as a traditional game amongst Nabai and Paluan Murut to a form of stage performance in the current era. The research methodology employed in this study involved a series of fieldwork to collect data after which the information was transcribed, documented, and analyzed. This research found that originally, Magunatip was a type of traditional game played among the paddy planters to trap the legs of their friends by using two pieces of long woods. As time passed, such game has inspired the Murut folks to form the Magunatip dance. The dance today is presented in its original movements with the Murut identity firmly embedded. This research as a whole is an examination of the evolution of Magunatip from a traditional game to an elaborate and distinctive stage performance reflective of the Murut ethnic identity in the interiors of Sabah.*

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xi
<b>SENARAI PETA</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian	4
1.5 Perspektif Teoritikal ( <i>Theoretical perspective</i> )	5
1.6 Kaedah Analisis Data	7
1.7 Lokasi Tempat Kajian	9
1.8 Etnik Murut: Satu Pengenalan	12
1.9 Tarian Magunatip: Satu Pengenalan	15
1.10 Kepentingan Kajian	17
1.11 Limitasi Kajian	17
1.12 Penutup	18
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian Sejarah dan Budaya Etnik Murut	21



2.3	Kajian Lepas Tarian Tradisional Pelbagai Etnik di Sabah	33
2.4	Tarian Magunatip	52
2.5	Dapatan Sorotan Literatur	57

### **BAB 3: METODOLOGI KERJA LAPANGAN DAN KAEDAH ANALISIS**

3.1	Pengenalan	59
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.2.1	Tahap Pengenalan Lapangan	65
3.2.2	Tahap Temu Bual	68
	a. Temu bual Secara Mendalam	74
	b. Temu bual Secara Kumpulan	78
	c. Temu Bual Melalui Telefon	79
3.2.3	Tahap Pemerhatian Ikut Serta dan Mendokumentasi Persembahan	79
3.3	Tahap Menyimpan dan Mendokumentasi Maklumat Kerja Lapangan	83
3.4	Data Sekunder	84
3.5	Data Primer	84
3.6	Penutup	85

### **BAB 4: TARIAN MAGUNATIP: DARIPADA PERMAINAN TRADISIONAL KE PERSEMBAHAN PENTAS KINI**

4.1	Pengenalan	86
4.2	Budaya Permainan Tradisional dalam Masyarakat Murut	88
4.3	Asal Magunatip Sebagai Permainan Tradisional Masyarakat Murut	92
4.3.1	Asas Pergerakan Permainan Atip	95
4.3.2	Peralatan	98
4.4	Perubahan Tarian Magunatip daripada Permainan Tradisional ke Persembahan Pentas	99
4.5	Magunatip Sebagai Tarian Persembahan Pentas	104
4.6	Tarian Magunatip Sebagai Seni Persembahan Masyarakat Sabah Masa Kini	116
4.7	Kesimpulan	118

<b>BAB 5: PENUTUP</b>	120
<b>RUJUKAN</b>	126
<b>LAMPIRAN</b>	131



## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 2.1: Tarian-tarian tradisional di Sabah (Sumber: Ismail Abbas dan Shaong 1984).	34
Jadual 2.2: Tarian tradisional Sabah dalam tulisan Ismaily Bungsu (tahun tidak dicatatkan) yang tidak tersenarai dalam Ismail Abbas dan Shaong (1984).	37
Jadual 3.1: Tahap-tahap kerja lapangan mengumpul data kajian.	64
Jadual 3.2: Tempat kajian di Daerah Kota Kinabalu.	66
Jadual 3.3: Tempat kajian di Daerah Keningau.	67
Jadual 3.4: --Tempat kajian di Daerah Nabawan.	68
Jadual 3.5: Senarai informan di Daerah Kota Kinabalu.	70
Jadual 3.6: Senarai informan di Daerah Nabawan.	71
Jadual 3.7: Senarai informan di Daerah Keningau.	72

## SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1:	Tempat khas untuk persembahan <i>Lansaran</i> . (Gambar diambil di rumah panjang etnik Murut di Muzium Sabah oleh pengkaji). 90
Gambar 4.2:	Salah satu persembahan <i>Lansaran</i> masa kini. (Sumber: <a href="http://www.google.com/search?q=lansaran">www.google.com/search?q=lansaran</a> ). 90
Gambar 4.3:	Kedudukan pengetuk bambu dan si pemain. (Koleksi pengkaji) 95
Gambar 4.4 a:	Posisi kaki di tepi bambu. (Koleksi pengkaji) 96
Gambar 4.4b:	Posisi enjutan di tepi bambu dengan tapak kaki dalam kedudukan rata. (Koleksi pengkaji) 97
Gambar 4.4c:	Posisi enjutan di tepi bambu dengan tapak kaki kanan berjengket dan tapak kiri dalam kedudukan rata. (Koleksi pengkaji) 97
Gambar 4.5a:	Pergerakan masukkan kaki kanan (terlebih dahulu) ke dalam dua batang bambu yang dibuka, sebelum kedua-dua batang bambu ditutup kaki kanan si pemain dikeluarkan. (Koleksi pengkaji) 97
Gambar 4.5b:	Kaki kiri si pemain dimasukkan ke dalam kedua-dua batang bambu yang sedang dibuka secara bersilang dari belakang. (Koleksi pengkaji) 97
Gambar 4.5c:	Pegerakan maju dan undur si pemain dengan pergerakan asasnya seperti dalam Gambar 4.5a dan Gambar 4.5b. (Koleksi pengkaji) 98
Gambar 4.6:	Peralatan Alu yang digunakan dalam permainan Atip. (Koleksi pengkaji) 98
Gambar 4.7:	<i>Taggungak</i> 106
Gambar 4.8:	<i>Pakukang</i> 106

Gambar 4.9:	Alat Muzik pengiring tarian Magunatip etnik Murut Nabai dan Murut Paluan masa kini (koleksi penulis).	107
Gambar 4.10a:	Kulit kayu etnik Murut yang dijadikan jaket. (Koleksi pengkaji)	110
Gambar 4.10b:	Jaket kain etnik Murut Paluan masa kini. (Koleksi pengkaji)	110
Gambar 4.10c:	Pakaian wanita Murut masa dahulu (Koleksi Martin dan Johnson's (tt: 128).	110
Gambar 4.10d:	Kostum wanita Murut Nabai sekarang yang dihiasi manik pelbagai warna. (Koleksi pengkaji)	110
Gambar 4.11a:	<i>Tagunggak</i> etnik Nabai. (Koleksi pengkaji)	113
Gambar 4.11b:	<i>Pakukang</i> etnik Paluan. (Koleksi pengkaji)	113
Gambar 4.12:	Persembahan Magunatip yang menggunakan dua batang bambu pada sekitar 1980-an (Ismail Abbas dan Shaong, 1984:104).	113
Gambar 4.13:	Persembahan Magunatip masa kini yang menggunakan enam batang bambu (Gambar koleksi pengkaji)	113

## **SENARAI PETA**

	Halaman
Peta 1.1: Daerah Keningau, Daerah Kota Kinabalu dan Daerah Nabawan	11
Peta 1.2: Lokasi kajian di Daerah Keningau dan Nabawan	11

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 4.1: Dua batang alu yang diikat di salah satu hujung (atas) dan dua batang alu yang telah dibuka ikatan di hujungnya (bawah) (Sumber: Ismail Abas dan Shaong, 1984:107).	94
Rajah 4.2: Notasi paluan gong dan kulintangan untuk tarian Magunatip etnik Murut Nabai dan Murut Paluan masa kini (Transkripsi muzik oleh Hartono Kasirun).	108
Rajah 4.3: Pakaian lelaki Tarian Magunatip Etnik Murut Paluan (Sumber: Ismail Ibrahim, 2011: 53).	111
Rajah 4.4: Pakaian penari perempuan tarian Magunatip etnik Murut Paluan (Sumber: Ismail Ibrahim, 2011: 43).	112

## LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN 1 :	Teks Verbatim Temu Bual 131
LAMPIRAN 2 :	a. Gambar-Gambar Informan 139
	b. Gambar-gambar Kerja Lapangan 144
	c. Kostum Etnik Murut Nabai dan Paluan Masa Kini 146
	d. Alat-Alat Muzik Etnik Paluan Dan Nabai Masa Kini 152
	e. Persembahan Dan Latihan Tarian Magunatip Masa Kini 155



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Tarian merupakan sebahagian daripada bentuk kesenian yang wujud dalam kebudayaan sesuatu bangsa di dunia ini. Setiap suku dan bangsa memiliki tarian tradisional yang tumbuh dan berkembang sesuai dengan fungsi dan keperluannya. Menurut Sumaryono Endo Suanda (2006: 54), tarian tradisional ialah sejenis seni persembahan yang tumbuh dan berkembang dalam sesuatu komuniti, kemudian menjadi identiti budaya bagi komuniti berkenaan. Umumnya, tarian tradisional terbahagi kepada dua, iaitu tarian klasik dan tarian rakyat. Tarian klasik lebih menjurus kepada pola bentuk yang baku dan berkembang dalam lingkungan istana dan kerabat diraja. Menurut Mohd Nefi Imran (2011: 91), tarian klasik di Malaysia merupakan bentuk tari yang terkawal di bawah naungan, perlindungan dan pengiktirafan istana. Bentuk strukturnya tetap dan mantap kerana proses pemuliharaan yang mendukung tarian tersebut.

Tarian rakyat pula merupakan ekspresi jiwa kehidupan masyarakat yang tumbuh dan berkembang dalam kalangan rakyat di desa. Tarian rakyat lebih berbentuk hiburan yang tidak terikat kepada pola gerak yang baku dan kaku. Penarinya menafsir gerakannya melalui percikan nalurinya secara spontan dan bebas tanpa adanya peraturan-peraturan yang mengikat pola adap dan adat gerak tarinya. Edi Sedyawati (1986: 110) dalam tulisannya mencatatkan bahawa tarian rakyat ialah tarian yang berasaskan ragam gerak yang berkaitan dengan konteksnya, iaitu terbatas pada wilayah adat yang mendasarinya. Ragam gerak sederhana menjadi ciri asas sebahagian besar tarian rakyat. Tema tarian rakyat mencerminkan kehidupan anggota masyarakat yang menciptanya. Menurut Umar Kayam (1981: 38), kesenian tradisi merupakan ekspresi budaya yang dicipta oleh masyarakat sehingga dapat menjadi kegiatan yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Dalam hal ini, bentuk-bentuk kesenian tradisional menjadi kebanggaan masyarakat pendukungnya.

Dalam konteks kajian ini, tarian Magunatip ialah tarian tradisional etnik Murut yang tinggal di pedalaman Sabah, khususnya di Daerah Keningau dan Daerah Tenom. Kajian Ismail Abbas dan Shaong (1984: 104) ada mencatatkan bahawa terdapat dua jenis tarian tradisional kepunyaan etnik Murut, iaitu tarian Magunatip dan tarian Magansip. Kedua-dua tarian ini merupakan tarian turun-temurun etnik Murut Kujau yang tinggal di kawasan Bingkor dan Apin-Apin di Daerah Keningau. Perkataan Magunatip berasal daripada kata *atip* yang bermaksud sepit. Manakala kata *ansip* juga bermaksud sepit. Menurut Ismail Abbas dan Shaong (1984: 104) lagi, tarian Magansip dan tarian Magunatip adalah hampir sama, yang berbeza hanyalah dalam persembahan tarian Magunatip, tiga batang kayu atau bambu akan digunakan, manakala dalam persembahan tarian Magansip, empat batang kayu atau bambu akan digunakan (Ismail Abbas dan Shaong, 1984: 90). Dalam kajian ini, tumpuan khusus hanya diberikan terhadap tarian Magunatip sahaja.

Menurut Mustaffa Kula (informan), tarian Magunatip telah wujud sejak dari dahulu dan tidak dapat dipastikan bila kewujudannya, serta siapa etnik Murut yang mula-mula menciptanya. Maklumat tentang tarian ini disebarkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi lain. Dalam tinjauan awal yang dilakukan di beberapa buah kampung di daerah Keningau, beberapa orang informan memberi tahu bahawa pada zaman dahulu tarian ini dipersembahkan dalam upacara mengubati penyakit dan dalam majlis keramaian seperti perayaan selepas menuai dan majlis perkahwinan. Fungsi-fungsi tarian Magunatip seperti ini akan dibincangkan secara lanjut di bab yang lain kelak. Menurut En Mustaffa Kula lagi, tarian Magunatip telah diperkenalkan dan dipersembahkan secara rasmi di seni pentas negeri Sabah sejak dari tahun 1971, iaitu melalui satu program yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.

Bagi pengunjung dari luar yang buat kali pertama melawat ke Sabah, khususnya pelancong asing, melihat persembahan tarian Magunatip adalah sesuatu persembahan yang sangat menarik perhatian mereka. Tarian yang menggunakan peralatan bambu ini perlu ditarikan secara melompat di celah-celah bambu yang dibuka dan ditutup dengan pantas. Ketangkasan penari perempuan yang memakai

kostum hitam yang dihiasi sulaman manik, dan penari lelaki yang memakai cawat dan kepalanya dihiasi bulu burung menari di celah-celah bambu yang dibuka dan ditutup dengan berbagai tempo dan variasi ragam gerak, serta muzik pengiringnya yang rancak menyebabkan tarian Magunatip sentiasa menarik perhatian umum. Menurut Sharip Ahmad Sharip Ismail (informan), tarian Magunatip adalah ikon kepada kesatuan rumpun Murut di Sabah tanpa mengira dari mana datangnya kelompok sub etnik Murut yang berbeza. Pendapat yang sama diakui juga oleh Encik Yussof Ali dan Encik Nasriadi Abdullah (informan).

Dalam kerja lapangan awal yang dijalankan di sekitar pantai barat dan pedalaman Sabah, tarian Magunatip dikenali oleh hampir semua masyarakat di Sabah tanpa mengira etnik dan tahap umur. Masyarakat awam mengenalinya sebagai tarian etnik Murut secara umum, namun tidak mengetahui secara mendalam akan asal usul dan perubahannya. Dalam kajian ini pengkaji akan memilih tarian Magunatip Murut Nabai dan Paluan di Daerah Keningau dan Nabawan untuk dikaji. Hal ini disebabkan tarian Magunatip kepunyaan etnik Murut tersebut memiliki keunikan tersendiri yang tidak di miliki tarian tradisional kumpulan etnik Murut lainnya. Hal ini disebabkan tarian Magunatip memiliki ciri-ciri khas dari segi ragam gerak, alat-alat muzik, kostum dan koreografi yang berbeza dengan tarian tradisional kumpulan etnik lain seperti etnik Kadazan, Dusun, Bajau, Bisaya, Suluk dan banyak lagi.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Dalam penelitian pengkaji, persembahan tarian Magunatip pada masa ini berfungsi sebagai tarian hiburan semata-mata. Tarian ini sering dipersembahkan dalam perayaan selepas menuai, majlis perkawinan, restoran-restoran yang dikunjungi pelancong, pusat membeli-belah dan dijadikan tarian mempromosi industri pelancongan Malaysia. Permasalahan yang timbul di sini adalah umum tidak mengetahui tentang asal usul, ciri-ciri khas, kaitannya dengan ritual, aspek-aspek persembahan serta fungsi asal tarian ini. Dengan kata lain, kebanyakan orang melihat tarian Magunatip tidak lebih daripada sebuah persembahan pentas yang menghiburkan mereka sahaja. Walhal tarian ini mempunyai latar belakang sejarah yang mengaitkannya dengan sebuah permainan tradisional etnik Murut yang

kemudiannya berubah dan berkembang menjadi sebuah persembahan pentas. Oleh hal yang demikian, adalah penting kajian dilakukan bagi memperjelaskan asal usul, ciri-ciri khas dan aspek perubahan bentuk persembahan tarian ini. Dalam kajian perpustakaan yang telah dibuat oleh pengkaji, belum ditemui sebarang kajian secara terperinci tentang tarian Magunatip yang boleh dijadikan rujukan dan panduan umum. Oleh itu, pengkaji memilih untuk membuat kajian bagi mendalami asal usul, ciri-ciri khas dan aspek perubahan persembahan tarian ini dengan tumpuan khas diberikan terhadap perkembangan tarian Magunatip daripada sebuah permainan rakyat etnik Murut Nabai dan akhirnya menjadi sebuah seni persembahan pentas.

### **1.3 Objektif Kajian**

Dalam sepanjang kajian ini, pengkaji bertujuan mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

- a. Mengenal pasti asal usul, ciri-ciri khas dan gaya persembahan tarian Magunatip etnik Murut Nabai dan Paluan.
- b. Meneliti fungsi Magunatip sebagai permainan tradisional dan ritual dalam kalangan etnik Murut Nabai dan Paluan.
- c. Menganalisis perubahan Magunatip daripada permainan tradisional kepada persembahan pentas masa kini.

### **1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah metodologi kerja lapangan yang digunakan oleh pengkaji tradisi rakyat (*folklore*) seperti Dundes (1982), Mohd Taib Osman (1982), Teolken (1996) dan beberapa orang pengkaji tradisi rakyat lain. Menurut ketiga-tiga orang pengkaji di atas, terdapat tiga tahap yang perlu kita lakukan dalam kerja lapangan, iaitu,

- a. Mengumpulkan sebanyak mungkin data daripada pendukung yang aktif, yakni individu yang dapat menceritakan secara mendalam tentang asal usul sejarah kesenian tertentu dan hal-hal cerita lain yang berkaitan dengan sebuah kajian.
- b. Menranskripsi dan mendokumentasi bahan tradisi rakyat yang diperolehi daripada kajian lapangan.
- c. Menganalisis data berdasarkan perkara yang akan dikaji.

Berapa jenis kaedah kajian akan pengkaji gunakan dalam sepanjang penyelidikan ini. Pertama, pengkaji akan menggunakan kaedah pembacaan tulisan-tulisan dan buku tarian, tarian Magunatip dan masyarakat Murut di negeri Sabah serta tulisan yang berkait sebagai data sekunder dan dasar kajian. Kedua, pengkaji akan membuat kajian lapangan dengan menemu bual secara mendalam bersama tokoh, pemberi maklumat dan pengiat tarian Magunatip dalam daerah yang dipilih secara persendirian dan berkumpulan. Pengkaji juga akan membuat pemerhatian secara langsung terhadap ragam gerak, kostum, muzik pengiring dan koreografi tarian Magunatip. Melalui pemerhatian secara langsung, pengkaji akan mengenal pasti aspek-aspek persembahan tarian Magunatip etnik Murut Nabai dan Paluan. Kesemua kaedah ini didapati berkesan dalam kajian jenis kualitatif. Akhir sekali, pengkaji akan menganalisis data yang diperoleh dari lapangan untuk menemukan satu kesimpulan kajian.

### **1.5 Perspektif Teoritikal (*Theoretical perspective*)**

Dari segi perspektif teoritikal, terdapat pengkaji seperti Schechner (2006), Sumaryona dan Endo Suanda (2006) yang mengaitkan asal usul tarian tradisional dengan permainan tradisional yang berfungsi sebagai hiburan atau ritual. Sehubungan itu, Sumaryona dan Endo Suanda (2006: 58) menyatakan bahawa tarian rakyat lebih menekankan nilai-nilai kebersamaan dan dimiliki secara kolektif oleh anggota masyarakat yang menciptanya. Selain itu, tarian rakyat mempunyai fungsi yang khusus sebagai tarian upacara serta tarian hiburan dalam masyarakat. Tidak dapat dikenal pasti sama ada bila, bagaimana dan siapa yang mencipta ragam gerak sesebuah tarian rakyat. Setiap komuniti memiliki punca penyebab kewujudan ragam gerak tari yang ada pada peringkat awal. Atas sebab ritual bukanlah tumpuan kajian ini maka penjelasan tentang perspektif teoritikal berikut hanya tertumpu kepada aspek permainan rakyat.

Humphrey (1983: 130) mencatatkan bahawa ekspresi diri dan rasa ingin bergerak adalah naluri manusia yang teringin untuk bergerak atau menari secara spontan. Hal ini mungkin disebabkan daripada suasana kemeriahan seperti sorakan tepok tangan, teriak-teriakan atau terdapatnya bunyi-bunyian yang terhasil daripada barang-barang terbuang seperti tin, bambu, kayu mahupun alat-alat

muzik seperti gong, tambur dan alat-alat lain. Dalam suasana ini, tubuh manusia terpanggil untuk bergerak dan menghasilkan gerakan spontan secara main-main. Akhirnya, gerakan yang bersifat main-main ini menghasilkan ragam gerak yang sering berulang-ulang. Ragam gerak seperti ini dianggap sebagai asal ragam tari yang menjadi ikutan oleh anggota masyarakat dalam sesebuah komuniti.

Menurut Sumaryona dan Endo Suanda (2006: 61), tarian kanak-kanak bersifat "main-main". Di Jawa misalnya, tarian kanak-kanak disebut tarian *dolanan* yang bermaksud "main-main" atau tarian *kaulinan baruudak* yang bermaksud permainan kanak-kanak di Sunda. Persembahan pencak silat, yang dianggap sebagai asas teknik tarian tradisional Melayu turut dianggap sebagai permainan. Istilah "pencak" dalam bahasa Minangkabau ialah *mancak* turut bermaksud permainan (Indra Utama, 2012: 68). Menurut Indra Utama (2012: 68) lagi, permainan *mancak* dalam budaya Minangkabau yang disebut *gayuang*, *sambuik*, *tangkok* dan *lapeh* (tending, sambut, tangkap dan lepas) bukanlah bertujuan untuk kemenangan dalam sebuah pertarungan, tetapi semuanya dilakukan sebagai permainan atau latihan bela diri sahaja.

Seperkara yang didapati, tarian pada zaman silam sering mengalami perubahan mengikut peralihan zaman. Tarian klasik sebagai contoh hanya ditarikan dan berkembang di istana pada zaman dahulu namun pada masa ini, tarian klasik Jawa di Indonesia dan tarian klasik Melayu di Malaysia ditarikan di luar istana. Jika diteliti, gaya persembahan tarian klasik turut ikut berubah akibat tuntutan masa dan ruang. Tarian klasik yang pada masa dahulu dipersembahkan dengan ruang arahnya hanya menghadap raja, kini arahnya menghadap ke arah penonton. Tarian rakyat juga ikut berubah dan berkembang dengan sentuhan sentuhan baharu oleh para pengiat tari dan seniman yang kreatif untuk menjadikan tarian rakyat sebagai wadah berkarya dan memberikan kehidupan dan suntikan baharu kepada kesenian rakyat yang berkaitan. Sehubungan itu, Schechner (2006: 81) mencatatkan bahawa:

*Theoretically, the "first performance" is a situation, not an event or genre. Performance originates in the need to make things happen and to entertain; to pass time and to broadcast to the largest possible audience and to play in order to satisfy a deep personal, social, or religious need.*

Seni pertunjukan yang berkembang dalam masyarakat telah mengalami penyesuaian diri dengan kebutuhan masyarakat (Kuswarsantyo, 2009: 119). Sifat fleksibel daripada bentuk persembahan dan perubahan fungsi persembahan membuktikan bahawa seni persembahan pada masa ini tidak berfungsi kepada sarana upacara tertentu. Sumaryono dan Endo Suanda (2006: 116) juga sependapat dengan Kuswarsantyo (2009) bahawa pembaharuan merupakan proses alamiah kerana kehidupan masyarakat pun berubah dari semasa ke semasa. Berdasarkan pernyataan ini, tampaknya pula bahawa tarian tradisional sebenarnya tidak pernah mengalami kebakuan tetapi sering berubah-ubah. Indra Utama (2012: 323) pula mendapati bahawa perubahan-perubahan gaya persembahan tradisional kepada bentuk baharu dikenali sebagai *hybridity*. Proses *hybridity* pada penciptaan tarian Minangkabau bermula daripada penciptaan motif-motif tari yang diambil daripada pergerakan *mencak* (pancak) dan *pemenan* (permainan) dengan tetap mempertahankan tiga prinsip sikap tubuh yang mencirikan pergerakan tari Minangkabau, iaitu *tagak*, *pitunggue* dan *langkah* yang dimainkan selari dengan bentuk-bentuk pergerakan lengan yang mencerminkan kewaspadaan seorang pesilat.

Berdasarkan perspektif teoritikal yang dibincangkan oleh beberapa orang pengkaji tarian di atas, tumpuan pengkaji ialah untuk melihat perubahan tarian Magunatip etnik, yang berasal daripada sebuah permainan rakyat dan upacara-upacara ritual etnik Murut Nabai dan akhirnya berubah menjadi sebuah persembahan pada masa ini.

## **1.6 Kaedah Analisis Data**

Pengkaji metodologi penyelidikan seperti Creswell (2014: 194) dan Rasid Mail dan Rahman Nordin (2015: 123) mencatatkan bahawa proses analisis dilakukan untuk memberi makna kepada data. Menurut Creswell (2014: 194) lagi, analisis dan

interpretasi adalah saling berkait antara satu sama lain. Berikut adalah penjelasan terhadap kaedah-kaedah analisis yang bakal digunakan dalam sepanjang kajian ini.

Kaedah analisis pertama yang pengkaji telah gunakan adalah kaedah diskripsi. Bernard dan Ryan (2010: 9), iaitu dua orang pengkaji dalam bidang analisis data kualitatif mencatatkan bahawa setiap kajian bidang saintifik bergantung kepada diskripsi yang baik (*good description*). Menurut Bernard dan Ryan (2010: 9) lagi, kaedah diskripsi boleh digunakan dalam banyak bidang kajian kualitatif seperti etnografi dan budaya, termasuk kajian dalam bidang perundangan perubatan dan pentakbiran. Dalam kajian ini kaedah diskripsi akan digunakan untuk menggambarkan persembahan tarian Magunatip dari segi ragam gerak, ciri-ciri khas tarian Magunatip, props, alat-alat muzik yang digunakan, kostum, aksesori dan banyak lagi aspek lain.

Dalam kajian kualitatif ini, kaedah analisis interpretasi banyak digunakan. Menurut Hesse-Biber and Leavy (2011: 301), analisis data dan interpretasi adalah berkait rapat antara satu sama lain. Yang dimaksudkan dengan interpretasi adalah cara yang khusus bagi seseorang pengkaji memahami dan menjelaskan sesuatu. Menurut Creswell (2003: 194), peringkat terakhir dalam data analisis melibatkan interpretasi, yang akan memberikan penjelasan lanjut terhadap data-data kajian. Dengan kata lain, interpretasi merujuk kepada penafsiran data-data yang telah dikumpul oleh seseorang pengkaji supaya pembaca memahami hubungan dan proses yang mendasari penemuannya (Kothari, 2004: 344). Dalam kajian ini, interpretasi terhadap data-data kajian seperti asal usul tarian Magunatip, kaitan kepercayaan etnik Murut Nabai dan Paluan dengan tarian Magunatip, perubahan tarian Magunatip dari permainan rakyat kepada persembahan masa kini dan banyak lagi perkara lain yang berkait dengan tarian Magunatip akan diberikan interpretasi.

Seterusnya, kaedah analisis perbandingan turut digunakan dalam kajian ini. Sehubungan analisis perbandingan, Bernard dan Ryan (2010: 9) menjelaskan bahawa dalam jenis kajian kualitatif, perbandingan yang dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri yang sama ada dikongsi bersama atau tidak, antara individu



## RUJUKAN

- Abdul Hamid Chan. 2011. *Analisis Struktural Pergerakan Kuda Pasu: Satu Kajian Reinvensi Kuda Pasu Kaum Bajau di Kota Belud, Sabah*. (Tesis Ijazah Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Anne, D'. 2004. *Methods and Theories of Art History*. London: Laurence King Publishing.
- Appel, G.N. 1968. A Survey of the Social and Medical Anthropology of Sabah: Retrospect and Prospect. In *Behavioral Science*, Vol.3. In <http://journals.sagepub.com/doi/pdf>. Retrieved on 15 March 2016.
- Asmad. 1990. *Kesenian Tari*. Melaka: Associated Distriboutrod (M) Sdn Bhd.
- Bala, B., Baszley Bee Basrah Bee dan Jane Wong Kon Ling. 2012. *Lundayeh*. Dalam Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (ed.). *Murut dan Berbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*: (217-220. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Bernard, H. R. dan Ryan, G.W. 2010. *Analyzing Qualitative Data: Systematic Approaches*. New York: Sage Publications.
- Bertholet, A. 1953. Religion. Dalam Edwin R.A. Seligman (ed.). *Encyclopedia of the Social Science. Nol XIV*. New York: The Macmillan Company.
- Brewis, K. A. 1987. *Is It Sacrifice: Experiencing Missiopn and Revival In Borneo*. England: Inter-Varsity Press
- Buku Aturcara Kalimantan ke-9*. 2011. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Sabah.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Los Angeles: SAGE
- Edi Sedyawati. 1981. *Pertumbuhan Seni Pertunjukan*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Edi Sedyawati, Sal Murgianto dan Yulianti Parani. 1986. Pengetahuan Elementer Tari. Dalam F.X. Sutopo Cokrohamijoyo (ed.). *Pengetahuan Elementer Tari dan Beberapa Masalah Tari*: 3-19. Jakarta: Direktorat Kesenian, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Hanafi Hussin. 2003. *Bobohizan dan Peranannya di Kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Panampang Sabah*. Dalam *Jati (Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara)*, Bil. 8: 15-40. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Henry Bating. 1999. *Sejarah Keningau*. Keningau: Everlasting Enterprise.

- Hose, C. and McDougall, W.1993. *The Pagan Tribes of Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Humphrey, Doris.1983. *Seni Menata Tari* (terjemahan oleh Sal Murgianto). Jakarta: Dewan Kesenian Jakarta.
- Indra utama.2012. *Pancak dan Permainan* (Tesis Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail Abbas.1976. Dalam Mohd Taib Osman, *Tradisi Lisan di Sabah*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Ismail Abbas dan Shaong, Charles.1984. *Tariian-tarian Tradisional Sabah*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Ismail Ibrahim. 2007. Murut. Menyusuri Budaya dan Keujudan Masyarakat Awal di Sabah. Dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Hj Mustajab, Suraya Hj. Sintang. *Pluraliti Etnik Dan Budaya Di Sabah*: 63-117. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ibrahim dan Humin Jusilin. 2009. Tombonuo alias Sungai: Catatan Hubungan Amalan Adat Semasa Kematian dan Gerak Sumanggak. Dalam Low Kok On, Inon Shaharudin dan Esterlina Lazarus. *Isu-isu Sastera dan Budaya*: 77-84. Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni, Universti Malaysia Sabah.
- Ismail Ibrahim. 2011 *Corak dan Motif Murut*. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah.
- Kothari, C. R. 2004. *Research Methodology, Research & Techniques*. New Delhi: New Age International (P) Limited.
- Langup, J. 1987. Ethnic Self-Labeling of the Murut or Lun Bawang of Sarawak. Dalam *Sarawak Gazette*, CXIII 1502:30-35.
- Lasimbang, R. and Ta, S. M. 1997. *An Introduction to the Traditional Costumes of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Puplication.
- Low Kok On. 2015. Sorotan Literatur. Dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Sim Chee Cheng. *Asas Penulisan Tesis*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Low Kok On dan Sri Ningsih. 2009. Sejarah dan Fungsi Tarian Sumazau Etnik Kadazan di Penampang, Sabah. Dalam Low Kok On, Inon Shaharudin dan Esterlina Lazarus. *Isu-isu Sastera dan Budaya*: 115-122. Kota Kinabalu: Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Low Kok On dan Sri Ningsih. 2013. *Pandangan Dunia dan Konteks Upacara dalam Sumazau Penampang, Sazau Papar dan Sumazau Paina Membakut*. Dalam *AKADEMIKA*, 83 (2 & 3): 47-59.

- Low Kok On dan Suhaimi Magi. 2015. *Magunatip Influenced by Philippines Tinikling?* Kota Kinabalu. In *Daily Express*: 11.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah: 1881-1994*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maruwiah Ahmad. 2012. *Tarian Tradisional*. Selangor: Get Smart Publication
- Martin and Johnsons.TT. *Journey of Borneo*. Kuala Lumpur: Galaxy Enterprise
- Mohd Nafi Imran.2011. *Tari Melayu Malaysia. Satu Kajian Berdasarkan Festival Tari Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan.
- Mohd Taib Osman.1976. Tarian-tarian tradisional Sabah: Konteks dan fungsinya dalam masyarakat pribumi di Sabah dan permasalahannya dalam pendekomuniannya. Dalam. *Tradisi Lisan di Sabah*.(49-57). Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah
- Noerid Haloei Radam.2001. *Religi orang bukit*. Yogyakarta: Yayasan Semesta.
- Noorsiah Sobri. 1981. *Tarian-Tarian Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
- Nor Ain Hassan and Eric Bagong. 2013. *Maguantip A New Malaysian Record.(?)* Kota Kinabalu: Sabah Times
- Paulus Florus, Stepanus Djuweng, John Bamba, dan Nico Andasputra. 1994. *Kebudayaan Dayak. Aktualisasi dan Transformasi*. Editor:.. Jakarta. PT Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Polland. F.H. 1935. *Some Comparative notes of Murut and Kelabit*. Kuching: Sarawak Museum Journal.
- Pugh-Kitingan, J. 2012. *Murut*. Dalam Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (ed.). *Murut dan Berbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*: 24-50. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- R. Needham. 1955. A Note on the Ethnis Classification in Borneo. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. Jilid. 28.
- Rasid Mail dan Rahman Nordin. 2015. *Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif sebagai Alternatif*. Kota Kinabalu: Penerbit Unversiti Malaysia Sabah
- Regis, P., Pugh-Kitingan, J. and Baptist, J. J. 2003. Berunsai: Meeting, Match-Making and Music. In *Tirai Panggung, Volume 6: 23-37*.
- Roth. H. L. 1896. *The Natives of Sarawak and British North Borneo*. Singapore: University Malaya.

- Rutter, Owen. 1922. *British North Borneo: An Account of its History Resources and Native Tribes*. London: Constable & Company Limited.
- Rutter, Owen. 1929 [2007]. *The Pagan of North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication Sdn Bhd.
- Rutter, Owen. 1922. *British North Borneo, An Account of its History, Resources and Native Tribes*.
- Sal Murgianto. 1992. *Koreografi*. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan. Indonesia
- Schwchner, Richard. 2002. *Performance Studies An Interoduction*. New York: Routledge Tylor & Francis Group.
- Shim, P.S. 2007. *Cultural of North Borneo Inland People of Sabah. Before, During and after Nunuk Ragang*. Kota Kinabalu: Borneo Cultural Heritage Publisher.
- Spitzack. 1984. 1997.:187-189,198-200; Richard Brewis, 2004;43 Russell, 2006:126. Yang di kutip Jacqueline Pugh-Kitingan. 2012. Dalam. *Murut dan Pelbagai Etnik kecil lain di Sabah.(?)* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia Berhad.
- Spitzack. 1984. 1997.:187-189,198-200; Richard Brewis, 2004;43 Russell, 2006:126. Yang di kutip Jacqueline Pugh-Kitingan. 2012. Dalam. *Murut dan Pelbagai Etnik kecil lain di Sabah.(?)* Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia Berhad.
- Sumaryono. 2011. *Antropologi Tari Dalam Perspektif Indonesia*. Jogjakarta: Institut Seni Indonesia, Jogjakarta.
- Sumaryono dan Endo Suanda. 2006. *Tari Tontonan. Buku Pelajaran Kesenian Nusantara*. Jakarta: Lembaga Pendidikan Seni Nusantara.
- Suhaimi Magi, Low Kok On dan Indera Utama. 2016. Unsur Ritual dalam Tarian Magunatip Etnik Nabai dan Paluan di Sabah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Warisan dan Folklor Nusantara 2016: 412-417*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sri Ningsih. 2012. *Sumazau Etnik Kadazan. Analisis Konteks Persembahan, Fungsi, Kostum dan Koreografi*. (tesis sarjana). Universiti Malaysia Sabah.
- Tang Sook Kuan. 2002. *Implication of Dance Movement Therapy* (tesis Sarjana). Universiti Malaysia Sabah.
- Udong, Rayner Francis. 2008. *Pokok Koningau*. Buku cenderamata Pesta Kayu Keningau. Keningau: Pejabat Daerah Keningau.

- Umar Kayam 1981. *Seni Tradisi Masyarakat*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Victor Pagayan. 2014. *Tarian Pinakang Etnik Kimaragang. Konteks Persembahan dan Rekaan Kostum*. (tesis Sarjana). Universiti Malaysia Sabah.
- Wan Abdul Kadir Yussof dan Zainal Abidin Borhan. 1985. *Idelogi Dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Whelan. F.G. 1970. *A History of Sabah*. Kuala Lumpur: Macmillan.
- Whitehead. J. 1991. *The Exploration of Kinabalu*. Singapore: General Services Pte Ltd.
- Woolley. G.C. 1936 [2004]. *The Timogun Murut of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo) Sdn Bhd.
- Yulianti Parani. 2011. *Seni Pertunjukan Indonesia Suatu politik Budaya*. Jakarta: Penerbit Nalar.